

Alumni Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM bertemu

ALUMNI. Seramai 38 orang menyertai Hari Bertemu Mata 'Geng Rokah' anjuran alumni Universiti Putra Malaysia (Sarjana Muda Komunikasi) tahun 1998 di Pantai Klebang, Melaka baru-baru ini. Program itu turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli keluarga masing-masing.

Wakil kumpulan berkenaan, Suhaimi Mohd. Noor berkata, program itu antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan antara alumni yang telah terjalin sejak dahulu lagi.

"Menariknya gelaran 'Geng Rokah' itu tercetus ketika kami sering makan bersama di kantin fakulti sejurus habis kuliah dan kadangkala turut disertai pensyarah yang turut meluangkan masa berbual mengenai pelajaran atau



berkongsi nasihat.

"Hampir 20 tahun berlalu, namun ikatan persahabatan kami terus berpanjangan dan Hari Bertemu Mata 2018 mengeratkan lagi ikatan silaturahim sesama kami," katanya.

Antara acara yang diadakan pada program itu ialah barbeku, memasak secara gotong-royong dan sukaneka selain pengisian rohani dengan solat berjemaah serta kuliah keagamaan.



ALUMNI Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM bersama ahli keluarga masing-masing bergambar pada program Hari Bertemu Mata 'Geng Rokah' di Pantai Klebang, Melaka baru-baru ini.